

TERJEMAHAN AL-QURAN KE BAHASA MELAYU: TINJAUAN TERHADAP KATA PANGGILAN KEKELUARGAAN

The Translation of al-Quran into Malay Language: A Study on Terms addressing family members

Nasimah Abdullah¹, Lubna Abd. Rahman², Norfazila Ab. Hamid¹ & Murni Syakirah Musa³
nasimah@kuis.edu.my, lubna@usim.edu.my, norfazila@kuis.edu.my,
translationon9@gmail.com

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)¹
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)²

ABSTRAK

Masyarakat Melayu Islam yang tidak ada latar belakang pengetahuan dalam bahasa Arab akan membaca dan merujuk kepada terjemahan makna al-Quran dalam bahasa Melayu sebagai salah satu usaha untuk memahami isi kandungan dan mesej yang terdapat dalam al-Quran. Apa sahaja yang dipaparkan dalam teks terjemahan yang mereka baca akan memberi kesan kepada tahap pemahaman mereka daripada mesej al-Quran. Tahap pemahaman pembaca teks terjemahan secara signifikannya akan dipengaruhi oleh unsur linguistik yang terkandung dalam teks sasaran yang menjadi rujukan mereka. Selain itu, penterjemahan juga perlu mengambilkira kepatuhan kepada peraturan sosiolinguistik sesebuah masyarakat kerana ia kadang-kadang menjadi ukuran kepada kesantunan berbahasa. Dalam hal ini, penterjemah bukan sahaja perlu melihat struktur morfologi dan sintaksis, malah mereka juga perlu memberi perhatian kepada unsur semantik dan keperihalanan keadaan atau konteks sebelum memindahkan teks bahasa sumber ke bahasa sasaran. Oleh itu, kertas kerja ini cuba menganalisis penggunaan kata panggilan kekeluargaan dalam menterjemahkan kata ganti nama Arab ke bahasa Melayu dan membandingkan antara dua (2) teks terjemahan makna al-Qur'an ke bahasa Melayu dengan tujuan melihat kaedah yang digunakan oleh para penterjemah dalam usaha menyampaikan makna ayat al-Quran dan melihat kesesuaian terjemahan dengan konteks masyarakat Melayu daripada aspek sosiolinguistik. Dalam kajian ini, dua buah teks terjemahan yang dikaji adalah "Tafsir Pimpinan ar-Rahman" yang diterjemahkan oleh Abdullah Basmeih dan "al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan" yang diterbitkan oleh Yayasan Restu dengan hanya melihat ayat-ayat al-Qur'an yang mengandungi dialog antara Nabi Ibrahim a.s. dan ayahandanya. Berdasarkan data yang dikaji, tiada perbezaan yang ketara antara dua (2) teks terjemahan tersebut dari segi cara menterjemah kata ganti nama diri ke bahasa Melayu yang mana terdapat sebahagian cara terjemahan adalah sesuai dengan konteks sosiolinguistik masyarakat Melayu walaupun terjemahannya secara harfiah tidak sepadan. Ini membuktikan bahawa penterjemah tidak menggunakan pendekatan kata demi kata dalam menterjemah kata ganti nama diri kerana meraikan unsur kesopanan dalam konteks dialog antara ahli keluarga.

Kata Kunci: Kata Panggilan Keluarga, Kata Ganti Nama, Terjemahan Makna al-Quran.

ABSTRACT

The Malay Muslim community with no background in Arabic language learning will normally read and refer to the translation of the Quran as an effort to understand its content and messages. Whatever messages expressed from this translation will have an impact on their levels of understanding. The understanding level of the target text reader will significantly be influenced by the linguistic elements in the referred target text. Moreover, a translation observes the sociolinguistic rules of a community because they could form important aspects in advancing politeness. In light of this, translators should not only look at syntactical and morphological structures, but their equal attention is to be given to semantic and contextual aspects before source texts are transferred into target text. This paper, therefore, attempts to analyze the terms used in addressing family members by examining translation of Arabic pronouns into Malay, and compare these to two (2) Malay translations of the Quran. The purpose of this study, therefore, is to look into the methods used by translators, who convey the meaning of the Quran, as well as to study the appropriateness of the translation in Malay community from sociolinguistic aspects. The corpus of this study includes “Tafsir Pimpinan ar-Rahman” by Abdullah Basmeih and “al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan” by Yayasan Restu, focusing on the verses which contain conversations between Prophet Ibrahim and his father. Based on the analysis, there are no significant differences between these two texts while translating Arabic pronouns into Malay. This finding may reveal that, to a certain extent, most translation methods are appropriate to sociolinguistic aspects of Malay community, even though the literal translations are not equivalent. This shows that translators may have not applied the word-to-word method in translating pronouns in order to observe politeness in conversations among family members.

Keywords: *Terms addressing family members, pronoun, the translation of the Quran.*

1.0 PENDAHULUAN

Bangsa Melayu dan Arab adalah dua komuniti yang sangat jauh berbeza, bukan sahaja dari segi geografi dan budaya, malah dari segi peraturan penggunaan bahasa. Asmah Omar (dalam Awang Sariyan: 2007: 3) membahagikan peraturan penggunaan bahasa kepada tiga (3) jenis iaitu peraturan linguistik, sosiolinguistik dan pragmatik. Awang Sariyan (2007: 3) menyatakan bahawa ukuran kesantunan berbahasa adalah bergantung kepada kepatuhan pengguna bahasa kepada peraturan-peraturan yang terdapat dalam bahasa masyarakatnya. Kata panggilan keluarga adalah termasuk dalam peraturan sosiolinguistik.

Awang Sariyan (2007: 4) mendefinisikan peraturan sosiolinguistik kepada “penggunaan bahasa yang menitikberatkan hubungan sosial antara pembicara dengan pendengar (dalam konteks komunikasi lisan) dan antara penulis dengan pembaca (dalam konteks komunikasi tulisan)”. Pemilihan kata perlulah sesuai dengan konteks hubungan kedua-dua pihak yang berinteraksi untuk memastikan wujudnya unsur kesantunan bahasa.

Penggunaan kata ganti nama dalam sesuatu teks kadang-kadang melibatkan konteks interaksi antara ahli keluarga. Oleh itu, penterjemah perlu peka dengan penggunaan kata panggilan keluarga dalam menterjemahkan kata ganti nama supaya pembaca dapat memahami maksud ayat mengikut konteks yang betul.

2.0 HUBUNGAN ANTARA KATA PANGGILAN KEKELUARGAAN DAN KATA GANTI NAMA

Setiap masyarakat mempunyai cara memanggil dan menyapa tersendiri untuk berinteraksi dengan individu lain. Cara tersebut dikenali sebagai sistem panggilan yang merujuk kepada penggunaan kata ganti nama seseorang. Menurut Asmah Omar (2014: 86), kata ganti nama adalah kata yang berdiri di tempat kata nama dan ia boleh berfungsi pada subjek dan objek ayat. Kata ganti nama dalam bahasa Melayu boleh dibahagi kepada tiga (3) bahagian iaitu kata ganti nama tunjuk, kata ganti nama tanya dan kata ganti nama diri (Asmah Omar: 2014: 86). Kata ganti nama diri ialah kata nama yang menjadi pengganti sesuatu benda, perkara atau manusia.

Kata ganti nama yang melibatkan interaksi antara ahli keluarga dikenali sebagai kata panggilan kekeluargaan. Kata panggilan kekeluargaan didefinisikan kepada “kata yang menggantikan nama yang digunakan kepada manusia dengan penentuan gender, rujukan dan kedudukan dalam keluarga”. (Nor Hashimah Jalaluddin et al, 2005: 17). Penggunaan kata panggilan kekeluargaan melambangkan kehormatan, keeratan dan kesopanan (Nik Safiah Karim, 1981: 106-107).

Oleh itu dalam konteks interaksi di kalangan ahli keluarga, kata ganti nama seseorang perlu diterjemahkan dengan betul daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu agar boleh menggambarkan tanda hormat seorang yang lebih rendah tarafnya kepada orang yang lebih tinggi taraf atau status kekeluargaannya. Contohnya seorang anak saudara perlu menyapa ayah saudara atau ibu saudara dengan panggilan pakcik atau makcik sebagai tanda hormat, bukan dengan panggilan nama (Nasimah Abdullah: 2015: 22).

Sistem panggilan merupakan unsur bahasa yang ada pada setiap bahasa di dunia. Namun, fungsinya mungkin kurang menonjol dalam sesetengah bahasa berbanding bahasa yang lain. Sebagai contoh, bahasa Arab kurang menonjol berbanding bahasa Melayu yang sangat kaya dengan istilah-istilah tertentu. Perbezaan ini menyebabkan ketakterjemahan budaya wujud dalam sebahagian besar proses penterjemahan. Asmah Omar (dalam Munif Zarirruddin Fikri Nordin dan Mohd. Shabri Yusof : 2011:745) menegaskan bahawa kewujudan sistem panggilan dalam satu-satu bahasa menggambarkan kewujudan peraturan sosial sesebuah masyarakat. Sistem panggilan merupakan unsur penting dalam berkomunikasi bagi masyarakat Melayu untuk menggambarkan cara menghormati seseorang.

Dalam bahasa Melayu, kata panggilan menunjukkan kehalusan bahasa dan budaya masyarakat Melayu yang berteraskan adab dan akhlak. Penggunaan kata panggilan yang betul ditentukan oleh jarak sosial antara individu yang terlibat dalam wacana tersebut. Dengan erti kata lain, penggunaan kata panggilan dianggap menepati konteks dengan merujuk kepada jarak sosial antara dua pihak yang berinteraksi. Terdapat kepelbagaian konteks yang akan menentukan kepelbagaian penggunaan kata panggilan. Ada konteks yang bersifat rasmi, ada konteks yang berkaitan perniagaan, ada konteks yang bersifat kekeluargaan dan sebagainya. Oleh itu, penterjemah perlu menyedari jarak sosial dalam proses penterjemahan.

Ada pelbagai jenis kata ganti nama dalam bahasa Melayu mengikut keadaan penggunaannya seperti patik, pacal, hamba, saya, beta, aku, engkau, tuan hamba, dan seumpamanya. Kata ganti nama ada yang berbentuk halus dan ada yang berbentuk kasar (Nik Safiah Karim: 1981: 103). Oleh itu, penterjemah perlu menyedari jarak sosial dalam proses penterjemahan. Dari segi sistem panggilan yang menggunakan kata ganti nama diri, kadang-kadang terdapat masalah pada padanan terjemahan harfiah Arab-Melayu dari sudut sintaksis kerana kata ganti nama diri orang pertama atau kedua boleh berubah apabila suasana dan keadaannya berubah seperti “engkau” berubah menjadi “tuan hamba” (Amat Juhari Moain: 1989: 75).

Awang Sariyan (2007: 38-39) menyatakan bahawa kata ganti nama diri pertama tunggal iaitu “saya” lebih bersifat umum, neutral, luas penggunaannya, lebih santun dan sesuai diguna oleh sesiapa sahaja tanpa mengira latar usia. Ini berbeza dengan kata ganti nama diri “aku” yang dianggap tidak santun diguna dalam suasana dan urusan rasmi. Manakala kata ganti nama diri pertama tunggal lain iaitu “patik” hanya sesuai diguna apabila melibatkan komunikasi antara orang kebanyakan dengan sultan dan raja sahaja (Awang Sariyan: 2007: 40).

Oleh itu, dalam isu penterjemahan teks al-Quran ke bahasa Melayu, penterjemah mestilah arif tentang kedudukan, fungsi dan peranan sistem panggilan dalam budaya masyarakat Melayu supaya pembaca dapat memahami maksud ayat secara jelas.

3.0 OBJEKTIF, BATASAN DAN METODE KAJIAN

Kajian ini adalah kajian perpustakaan dan menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif ini menjurus kepada analisis teks iaitu membandingkan antara penterjemahan berkumpulan iaitu “al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan” dan penterjemahan individu iaitu “Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran”. Kajian ini adalah dalam bidang linguistik terapan dengan melihat kepada teks terjemahan makna al-Quran dari sudut sosiolinguistik dan pragmatik dalam terjemahan.

Kajian ini cuba menganalisis terjemahan kata ganti nama Arab kepada bahasa Melayu bagi kata panggilan kekeluargaan dalam dan membandingkan antara dua (2) teks terjemahan makna al-Qur’an ke bahasa Melayu bertujuan melihat cara penterjemahan yang digunakan oleh para penterjemah dalam usaha menyampaikan makna ayat al-Quran. Analisis ini melihat tiga perkara

iaitu jarak sosial individu yang terlibat dalam wacana, padanan terjemahan harfiah Arab-Melayu dan kesesuaian terjemahan dengan konteks masyarakat Melayu dari segi kehalusan dan kesopanan.

Kajian ini hanya melihat kepada ayat-ayat al-Qur'an yang mengandungi kata panggilan kekeluargaan iaitu bentuk hubungan dari bawah (iaitu anak) ke atas (iaitu bapa). Scopus kajian adalah dialog antara Nabi Ibrahim a.s. dan ayahandanya yang terdapat dalam Surah al-An'am ayat 74 dan Surah Maryam ayat 42, 43, 44, 45, 46 dan 47.

4.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Kertas kerja ini hanya memfokuskan terjemahan kata ganti nama diri yang merujuk kepada kata panggilan kekeluargaan. Kategori yang dianalisis ialah kata panggilan antara anak dengan ayah iaitu hubungan dari bawah ke atas. Semua kata panggilan kekeluargaan yang dianalisa dihitamkan. Penulis akan meletakkan garisan di bawah kata ganti nama yang didapati tidak sesuai dengan konteks kesopanan dan kesantunan masyarakat Melayu.

Contoh 1:

Surah al-An'am (6) : 74	
قوله تعالى: { وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ لِأَبِيهِ آزَرَ أَتَتَّخِذُ أَصْنَامًا آلِهَةً إِنِّي أَرَاكَ وَقَوْمَكَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ }	
Terjemahan Abdullah Basmeih	Terjemahan Yayasan Restu
Dan (Ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berkata kepada bapanya Azar: “Patutkah ayah menjadikan berhala-berhala sebagai tuhan-tuhan? Sesungguhnya aku melihat mu dan kaum mu dalam kesesatan yang nyata”. (hlm: 308)	(Ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berkata kepada bapanya, Azar, “Patutkah ayah menjadikan berhala-berhala sebagai tuhan-tuhan? Sesungguhnya aku melihat engkau dan kaum mu dalam kesesatan yang nyata.” (hlm: 139)

Terdapat tiga (3) frasa yang menggunakan kata ganti nama diri iaitu (أنتخذك), (إني أراك) dan (قومك). Jarak sosial yang terdapat dalam ayat di atas adalah hubungan dari bawah ke atas iaitu

antara anak dengan bapa. Jarak tersebut diterjemahkan oleh kedua-dua terjemahan kepada “ayah”, “aku”, “engkau” dan “mu”. Pembaca boleh memahami terjemahan yang telah diutarakan oleh kedua-dua penterjemah. Wajarannya penggunaan kata panggilan “ayah” telah digunakan untuk menterjemahkan kata ganti nama kedua yang terkandung dalam (أَتَّخِذُ), namun ketidaksantunan berbahasa telah berlaku dalam kedua-dua teks terjemahan apabila kata ganti nama diri pertama “aku”, dan kata ganti nama diri kedua “mu” dan “engkau” telah digunapakai. Penggunaan “aku”, “engkau” dan “mu” dalam norma masyarakat Melayu secara halusnyanya tidak memperlihatkan kesopanan dalam berbahasa antara anak dan ayah.

Contoh 2:

Surah Maryam (19) : 42	
قوله تعالى: {إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ يَا أَبَتِ لِمَ تَعْبُدُ مَا لَا يَسْمَعُ وَلَا يُبْصِرُ وَلَا يُغْنِي عَنْكَ شَيْئًا}	
Terjemahan Abdullah Basmeih	Terjemahan Yayasan Restu
Tatkala ia berkata kepada bapanya: “Wahai ayahku, mengapa ayah menyembah benda yang tidak mendengar dan tidak melihat serta tidak dapat menolong <u>mu</u> sedikit pun?” (hlm: 756)	Ketika dia berkata kepada bapanya, “Wahai ayahku, mengapa ayah menyembah benda yang tidak mendengar dan tidak melihat serta tidak dapat menolong <u>mu</u> sedikit pun?” (hlm: 315)

Terdapat dua (2) frasa yang menggunakan kata ganti nama diri iaitu (لِمَ تَعْبُدُ) dan (لَا يُغْنِي عَنْكَ).

Jarak sosial yang terdapat dalam ayat di atas adalah hubungan dari bawah ke atas iaitu antara anak dengan bapa. Jarak tersebut diterjemahkan oleh kedua-dua terjemahan kepada (ayah) dan (mu). Terjemahan harfiah adalah tidak sepadan untuk frasa pertama iaitu (لِمَ تَعْبُدُ) kerana sepatutnya ia diterjemah dengan (mengapa awak menyembah). Dalam teks bahasa sasaran, kedua-dua penterjemah menggunakan perkataan “ayah” sebagai menggantikan “awak”. Penulis berpandangan penggunaan kata panggilan keluarga “ayah” adalah lebih sesuai dengan konteks kesopanan dan kesantunan masyarakat Melayu dalam komunikasi antara anak dan ayah. Penggunaan kata panggilan “ayah” boleh dianggap sebagai tanda hormat seorang anak terhadap ayahnya.

Manakala, untuk frasa kedua iaitu (لا يبغي عنك شيئا) terjemahan harfiah adalah sepadan iaitu (tidak dapat menolongmu). Cuma penulis berpandangan penggunaan kata ganti “mu” adalah tidak sesuai dengan konteks kesopanan dan kesantunan masyarakat Melayu dalam komunikasi antara anak dan ayah. Sebaiknya, ayat ini adalah lebih sopan sekiranya diterjemahkan dengan (tidak dapat menolong ayah) untuk menggambarkan kesantunan berbahasa dalam perbualan antara anak dan ayah.

Contoh 3:

Surah Maryam (19) : 43	
قوله تعالى: { يَا أَبَتِ إِنِّي قَدْ جَاءَنِي مِنَ الْعِلْمِ مَا لَمْ يَأْتِكَ فَاتَّبِعْنِي أَهْدِكَ صِرَاطًا سَوِيًّا }	
Terjemahan Abdullah Basmeih	Terjemahan Yayasan Restu
“Wahai ayahku, sesungguhnya telah datang kepadaku dari ilmu pengetahuan yang tidak pernah datang kepadamu; oleh itu, ikutlah daku; aku akan memimpinmu ke jalan yang betul.” (hlm: 756)	“Wahai ayahku, sesungguhnya telah datang kepadaku daripada ilmu pengetahuan yang tidak pernah datang kepadamu oleh itu; ikutlah aku. Aku akan memimpinmu ke jalan yang benar. (hlm: 315)

Terdapat empat (4) frasa yang menggunakan kata ganti nama diri iaitu (جاءني), (يأتيك), (اتبعني) dan (أهدك). Ketidaksantunan berbahasa telah berlaku dalam kedua-dua teks terjemahan apabila kata ganti nama diri pertama “aku”, dan kata ganti nama diri kedua “mu” telah digunapakai. Penggunaan “aku” dan “mu” dalam norma masyarakat Melayu secara halus tidak memperlihatkan kesopanan dalam berbahasa antara anak dan ayah. Walaupun begitu, terdapat juga penggunaan kata ganti nama “ku” dan “daku” yang lebih sopan.

Contoh 4:

Surah Maryam (19) : 44	
قوله تعالى: { يَا أَبَتِ لَا تَعْبُدِ الشَّيْطَانَ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلرَّحْمَنِ عَصِيًّا }	
Terjemahan Abdullah Basmeih	Terjemahan Yayasan Restu
“Wahai ayahku, janganlah ayah menyembah syaitan, sesungguhnya syaitan itu adalah menderhaka kepada Allah yang melimpah-limpah rahmatNya.” (hlm: 757)	“Wahai ayahku, janganlah ayah menyembah syaitan (berhala), sesungguhnya syaitan itu menderhaka kepada Allah Yang Maha Pemurah.” (hlm: 315)

Terdapat satu (1) frasa yang menggunakan kata ganti nama diri iaitu (لا تعبد). Jarak sosial yang terdapat dalam ayat di atas adalah hubungan dari bawah ke atas iaitu antara anak dengan bapa. Jarak tersebut diterjemahkan kepada “ayah”. Terjemahan harfiah adalah tidak sepadan untuk frasa (لا تعبد) kerana sepatutnya ia diterjemah dengan (mengapa awak menyembah). Dalam teks bahasa sasaran, kedua-dua penterjemah menggunakan perkataan “ayah” sebagai menggantikan “awak”. Penulis berpandangan penggunaan kata panggilan kekeluargaan “ayah” adalah lebih sesuai dengan konteks kesopanan dan kesantunan berbahasa dalam masyarakat Melayu terhadap komunikasi antara anak dan ayah. Penggunaan kata panggilan “ayah” boleh dianggap sebagai tanda hormat seorang anak terhadap ayahnya.

Contoh 5:

Surah Maryam (19) : 45	
قوله تعالى: { يَا أَبَتِ إِنِّي أَخَافُ أَنْ يَمَسَّكَ عَذَابٌ مِّنَ الرَّحْمَنِ فَتَكُونَ لِلشَّيْطَانِ وَلِيًّا }	
Terjemahan Abdullah Basmeih	Terjemahan Yayasan Restu
“Wahai ayahku, sesungguhnya aku bimbang bahawa ayah akan kena azab dari (Allah) Ar-Rahmaan disebabkan ayah menyembah yang lainnya; maka dengan sebab itu akan menjadilah ayah rakan bagi syaitan di dalam neraka.” (hlm: 757)	“Wahai ayahku, sesungguhnya aku bimbang bahawa ayah akan diazab oleh Tuhan Yang Maha Pemurah, maka ayah menjadi rakan bagi syaitan di dalam neraka.” (hlm: 315)

Terdapat tiga (3) frasa yang menggunakan kata ganti nama diri iaitu (أخاف), (يمسك) dan (فتكون).

Jarak sosial yang terdapat dalam ayat di atas adalah hubungan dari bawah ke atas iaitu antara anak dengan bapa. Jarak tersebut diterjemahkan oleh kedua-dua terjemahan kepada “ayah” dan “aku”. Pembaca boleh memahami terjemahan yang telah diutarakan oleh kedua-dua penterjemah. Wajarannya, penggunaan kata panggilan “ayah” telah digunakan untuk menterjemahkan kata ganti nama kedua yang terkandung dalam (يمسك) dan (فتكون), namun ketidaksantunan berbahasa telah berlaku dalam kedua-dua teks terjemahan apabila kata ganti nama diri pertama “aku” telah digunapakai. Penggunaan “aku” dalam norma masyarakat Melayu secara halusnya tidak memperlihatkan kesopanan dalam berbahasa antara anak dan ayah.

Contoh 6:

Surah Maryam (19) : 46	
قوله تعالى: {قال أراغب أنت عن آلهتي يا إبراهيم لئن لم تنته لأرجمنك واهجرني مليا}	
Terjemahan Abdullah Basmeih	Terjemahan Yayasan Restu
(Bapanya) menjawab: “Patutkah engkau bencikan tuhan-tuhanku, wahai Ibrahim? Demi sesungguhnya! Jika engkau tidak berhenti daripada menyeru dan menasihati daku , sudah tentu aku akan meluntarmu dengan batu; dan (ingatlah, lebih baik) engkau tinggalkan daku sepanjang masa”. (hlm: 757)	(Bapanya) menjawab, “Patutkah engkau bencikan tuhan-tuhanku, wahai Ibrahim? Sesungguhnya! Jika engkau tidak berhenti (mengutuk sembahanku) sudah tentu aku akan merejammu dengan batu, dan engkau tinggallah aku buat masa yang lama.” (hlm: 315)

Terdapat empat (4) frasa yang mengandungi kata ganti nama diri iaitu (آلهتي), (لم تنته), (أرجمنك) dan (واهجرني) serta satu (1) kata ganti nama diri iaitu (أنت). Jarak sosial yang terdapat dalam ayat di atas adalah hubungan dari bawah ke atas iaitu antara anak dengan bapa. Jarak tersebut diterjemahkan kepada “engkau”, “ku”, “aku”, “daku” dan “mu”. Terjemahan harfiah adalah sepadan kerana setiap kata ganti nama dalam teks asal diterjemahkan sejajar dengan peraturan

sintaksis bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, penulis berpandangan pemilihan kata seperti “engkau”, “aku” dan “mu” untuk keseluruhan ayat dialog yang digunakan oleh terjemahan Yayasan Restu nampaknya lebih sesuai untuk menggambarkan konteks seorang ayah yang sedang marah. Manakala pemilihan kata seperti “daku” yang digunakan oleh Abdullah Basmeih tidak keterlaluan bolehlah dikatakan agak mengelirukan kerana tidak menggambarkan konteks yang sebenar kerana kata ganti nama tersebut biasanya digunakan untuk situasi yang lebih santun.

Contoh 7:

Surah Maryam (19) : 47	
قوله تعالى: { قَالَ سَلَامٌ عَلَيْكَ سَأَسْتَغْفِرُكَ رَبِّي إِنَّهُ كَانَ بِي حَفِيًّا }	
Terjemahan Abdullah Basmeih	Terjemahan Yayasan Restu
Nabi Ibrahim berkata: “Selamat tinggallah ayah ; aku akan memohon kepada Tuhanku mengampuni dosa mu ; sesungguhnya Ia sentiasa melimpahkan kemurahan ihsanNya kepadaku. (hlm: 757)	Ibrahim berkata, “Semoga keselamatan bersama mu , aku akan memohon kepada Tuhanku mengampuni dosa mu , sesungguhnya Dia sentiasa melimpahkan kemurahan ihsanNya kepadaku.” (hlm: 315)

Terdapat tiga (3) frasa yang menggunakan kata ganti nama diri iaitu (عليك), (سأستغفر) dan (لك).

Jarak sosial yang terdapat dalam ayat dalam contoh data 7 adalah hubungan dari bawah ke atas iaitu antara anak dengan bapa. Terdapat perbezaan cara terjemahan antara Yayasan Restu & Abdullah Basmeih. Penggunaan kata panggilan “ayah” telah digunakan oleh Abdullah Basmeih untuk menterjemahkan kata ganti nama kedua yang terkandung dalam (عليك), sedangkan Yayasan Restu mengekalkan terjemahan secara kata demi kata iaitu (bersamamu). Ketidaksantunan berbahasa telah berlaku dalam kedua-dua teks terjemahan apabila kata diri pertama “aku” dan “mu” telah digunakan. Penggunaan “aku” dan “mu” dalam norma masyarakat Melayu secara halusnyanya tidak memperlihatkan kesopanan dalam berbahasa.

5.0 KESIMPULAN

Berdasarkan tujuh (7) contoh data yang telah dikaji, tiada perbezaan yang ketara antara kedua-dua (2) teks terjemahan tersebut dari segi cara menterjemah kata ganti nama diri ke bahasa Melayu. Kebanyakan tempat terjemahan harfiah adalah sepadan kerana setiap kata ganti nama dalam teks asal diterjemahkan sejajar dengan peraturan sintaksis Bahasa Melayu. Cuma dari segi kepekaan kepada konteks, sebahagian besar cara terjemahan adalah tidak sesuai dengan konteks masyarakat Melayu dari segi kehalusan dan kesopanan walaupun terjemahan *harfiah* sepadan ekoran daripada pengabaian dari sudut jarak sosial antara dua orang yang berinteraksi dalam dialog tersebut. Namun begitu, terdapat juga sebahagian cara terjemahan adalah sesuai dengan konteks sociolinguistik masyarakat Melayu walaupun terjemahan harfiahnya tidak sepadan. Ini membuktikan bahawa penterjemah tidak menggunakan pendekatan kata demi kata dalam menterjemah setiap kata ganti nama diri kerana meraikan unsur kesopanan dalam konteks dialog antara ahli keluarga.

RUJUKAN

- _____. (2011). *Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*. Shah Alam: Yayasan Restu. Cetakan 6.
- Abdullah Basmeih. (2001). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir. Cetakan 12.
- Amat Juhari Moain. (1992). *Beberapa Masalah Sociolinguistik Dalam Penterjemahan*. Dalam Noor Ein Hj. Mohd. Noor dan Atiah Hj. Salleh. *Pragmatik Penterjemahan: Prinsip, Amalan dan Penilaian Menuju ke Abad 21*. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Asmah Omar. (2014). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi ke-5.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Munif Zarirruddin Fikri Nordin dan Mohd Shabri Yusof. (2011). *Sistem Panggilan Dalam Terjemahan Arab-Melayu: Analisis Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*. Dalam Noor Ida Ramli, Norizah Ardi dan Aini Aziz. *Globalisasi Melalui Terjemahan: Pemangkin Kecemerlangan Ilmu dan Teknologi*. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Nasimah Abdullah. (2015). *Kata Panggilan Keluarga: Pemerhatian Terhadap Beberapa Teks Terjemahan Makna al-Quran ke Bahasa Melayu*. Dalam Haslina Haron, Hasuria Che Omar, Goh Sang Seong dan Norizah Ardi. Dalam prosiding *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-15*. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia, Institut Terjemahan & Buku Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Perbadanan Kota Buku.
- Nik Safiah Karim. (1981). *Beberapa Persoalan Sociolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2005). *Sistem Panggilan dalam Keluarga Melayu: Satu Dokumentasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.